

21/06/2002

Umno berani kritik untuk ubah nasib Melayu: Pak Lah

KUALA LUMPUR, Khamis - Umno tidak pernah takut menjadi tidak popular semata-mata terlalu banyak mengkritik dan menegur orang Melayu, kerana sejarah membuktikan Umno perlu berbuat demikian bagi mengubah nasib mereka.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata jika Umno mahu menjadi popular dengan mengikut semua kehendak orang Melayu, mereka tidak akan berubah dan berjaya seperti hari ini.

"Disebabkan Umno berani mengambil tindakan mengkritik selama ini dan membuat pelbagai dasarlah, orang Melayu berjaya.

"Umpama seorang guru yang tegas, tidak semestinya popular, tetapi akhirnya murid akan mengucapkan terima kasih kepada guru berkenaan kerana menunjukkan kepadanya jalan ke arah kejayaan.

"Perdana Menteri sendiri pernah berkata, jangan kejar populariti sebaliknya buatlah perkara yang betul dan jika anda popular kerana berbuat betul, maka bersyukurlah," katanya pada sidang akhbar selepas ucapan dasar Presiden pada Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) semalam.

Sambil menganggap ucapan dasar Perdana Menteri sebagai satu peringatan dan kritikan yang perlu diberi perhatian serius oleh orang Melayu, beliau berkata, ia adalah antara ucapan terbaik yang pernah disampaikan pucuk pimpinan negara.

Beliau berkata, Dr Mahathir adalah seorang pemimpin yang cukup berpengalaman dan dalam banyak hal berjaya jika dibandingkan dengan pemimpin negara membangun lain dan negara maju.

"Dengan pengalamannya yang begitu banyak, Dr Mahathir masih berpendapat orang Melayu pada hari ini masih belum selamat dan beliau juga menegur tabiat orang Melayu yang mendapat banyak peluang tapi tak tahu bagaimana nak memanfaatkannya," katanya.

Abdullah berkata, orang Melayu masih leka dan beranggapan hak keistimewaan yang menjadikan mereka lebih senang dibandingkan kaum lain dan ini juga membuatkan mereka berasa tidak tercabar.

"Orang Melayu berpendapat saingan tidak perlu lagi kerana ada hak istimewa yang diberikan kepada mereka dan jika terlepas kepada orang lain pun, mereka akan dapat balik hak berkenaan.

"Presiden parti membuat kesimpulan yang penting iaitu perlunya perubahan sikap di kalangan masyarakat Melayu.

"Dr Mahathir mengajak orang Melayu supaya lebih positif, di samping memegang kuat nilai positif dan kukuh, selain berpegang kepada ajaran agama yang betul," katanya.

Abdullah berkata, ucapan Perdana Menteri kali ini banyak merujuk kepada al-Quran yang turut menekankan pentingnya peranan ibu bapa dalam memberi didikan sempurna kepada anak-anak.

Beliau berharap orang Melayu menerima pandangan Presiden parti itu sebagai satu pandangan cukup serius kerana ia datang daripada seorang pemimpin yang sudah lama berjuang bersama bangsanya dan amat tahu akan sikap orang Melayu terhadap pelbagai dasar dan pembangunan yang sudah beliau laksanakan.

"Ia satu mesej yang cukup kuat dan jelas untuk orang Melayu. Apa yang beliau cakap lahir dari pengalaman beliau sebagai pemimpin berpengalaman," katanya.

Beliau berkata, Dr Mahathir melihat dari spektrum lebih besar dan tidak

melihat dari perspektif individu, kerana beliau menjana banyak perkara, memperkenalkan banyak dasar, memperkenalkan banyak insentif serta banyak menolong individu dan institusi.

Ditanya apakah keadaan sekarang sudah begitu kritikal sehingga memaksa Presiden Umno mengkritik secara terus tanpa berselindung, Abdullah berkata, Dr Mahathir berbuat demikian kerana keadaan sekarang lebih mencabar berbanding dulu.

"Situasi dunia sekarang berbeza daripada dulu. Persaingan ekonomi semakin hebat dan globalisasi dunia tanpa sempadan akan membawa kepada persaingan lebih hebat. Hanya keberanian, kesungguhan dan kejayaan yang akan menentukan kita terus survive," katanya.

(END)